

Jangan politikkan cuti

34 14 JAN 1994

Ahad: Dr M

Oleh Ahmad Zaini Kamaruzzaman

ALOR STAR, Khamis — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini berkata cuti mingguan pada hari Ahad tidak bercanggah dengan Islam dan tidak seharusnya dijadikan isu politik.

Menurutnya, amalan kerajaan menetapkan Ahad sebagai cuti mingguan seocok dengan ajaran Islam dan tidak sepatutnya digunakan untuk kepentingan politik.

Beliau berkata, ada pihak mendakwa kononnya cuti mingguan hari Ahad yang diamalkan di negara ini perlu ditukar kepada Jumaat kerana ia (cuti mingguan Ahad) bercanggah dengan ajaran Islam.

"Memang ada orang yang menjadikan ia sebagai isu politik, tetapi mereka adalah golongan yang tidak memahami ajaran Islam.

"Dalam al-Quran disebut bahawa pada hari Jumaat kita (umat Islam) dikehendaki menunaikan sembahyang Jumaat berjemaah dan selepas itu meneruskan tugas," katanya ketika ditanya mengenai langkah Kerajaan Perlis dan Johor menukar cuti mingguan daripada Jumaat kepada Ahad mulai 1 Januari lalu.

Terdahulu, Perdana

Menteri mendengar taklimat pembangunan Kedah dan mengadakan perjumpaan dengan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri serta pegawai kanan jabatan Kerajaan Negeri.

Menjawab soalan sama ada kerajaan menggalakkan Kedah, Terengganu dan Kelantan yang belum menukar cuti mingguan kepada hari Ahad turut berbuat demikian, beliau berkata: "Terpujanglah kepada kerajaan negeri berkenaan".

"Kita percaya apa yang kita buat (amalan cuti mingguan hari Ahad) seocok dengan ajaran Islam.

"Kerajaan negeri yang tidak berhasrat menukar cuti mingguan tidak patut menyalahkan pihak lain yang menetapkan Ahad sebagai cuti mingguan."

Dr Mahathir juga menjelaskan bahawa cuti mingguan hari Ahad diperkenalkan di negara ini oleh Kerajaan British.

"Kita cuma tahu mengenai cuti hujung minggu apabila British datang ke sini dan menganjurkan Ahad sebagai cuti mingguan selaras dengan amalan mereka.

"Apabila British memperkenalkan Ahad sebagai cuti mingguan di Ne-

geri-Negeri Bersekutu dan Negeri-negeri Selat, lima Negeri Tidak Bersekutu memilih Jumaat sebagai cuti mingguan," katanya.

Beliau berkata, lima negeri terbabit berbuat demikian kerana mengangap kononnya Jumaat adalah cuti rehat dalam Islam.

"Sebenarnya, ajaran Islam tidak ada hari tidak bekerja, sebaliknya umat Islam boleh bekerja setiap hari," katanya.

Perdana Menteri juga menolak tanggapan kononnya ramai umat Islam di Kedah, Terengganu dan Kelantan tidak menunaikan sembahyang Jumaat jika cuti mingguan ditukar kepada hari Ahad.

Katanya, masjid di Kuala Lumpur sentiasa penuh walaupun Jumaat ditetapkan sebagai hari bekerja, kerana mereka diberi tempoh yang panjang untuk menunaikan sembahyang Jumaat.

"Bagaimanapun, jika Jumaat dijadikan cuti rehat tidak ramai yang menunaikan sembahyang Jumaat kerana mereka pergi melancong, terutama apabila cuti umum jatuh pada hari berkenaan," katanya.